

## **ISU PENDIDIKAN GURU TAHFIZ: SATU SOROTAN DI PUSAT TAHFIZ PERSENDIRIAN DI SELANGOR**

Siti Rashidah Abd Razak  
Haslina Hamzah  
Zetty Nurzuliana Rashed  
Muhammad Izzat Bin Ngah  
Abdul Mukti Baharudin  
sitirashidah@kuis.edu.my  
haslina@kuis.edu.my  
zetty@kuis.edu.my  
muhdizzat@kuis.edu.my  
abdulmukti@kuis.edu.my

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

*Senario masa kini menunjukkan sekolah merupakan pusat utama dalam membangunkan seluruh potensi insan. Jasmani, emosi, rohani dan intelektual merupakan asas dalam memastikan pendidikan dapat membentuk insan kamil sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam. Justeru sebuah sekolah atau institusi pendidikan yang dibangunkan perlu memperkasakan kualiti guru tahfiz sebagai tonggak utamanya. Satu tinjauan di sebuah pusat tahfiz milik persendirian telah menunjukkan bahawa isu pendidikan guru kurang dititikberatkan oleh pihak pengurusan. Jika perkara ini berlarutan ia dibimbangi akan menjatuhkan kredibiliti pusat tahfiz serta keupayaannya dalam melahirkan golongan huffaz yang seimbang. Penulisan ini akan menjelaskan isu-isu berkaitan pendidikan guru tahfiz di pusat tahfiz tersebut yang perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan sejajar dengan hasrat pengurusan yang ingin menjadikan pusat tahfiz kendalian mereka seiring dengan pusat tahfiz arus perdana.*

**Kata kunci:** *Huffaz, Pusat Tahfiz Persendirian, Guru Tahfiz, Pendidikan Guru Tahfiz, Potensi Insan*

### **PENDAHULUAN**

Pengajian tahfiz semakin mendapat tempat di hati para ibu bapa. Ramai ibu bapa memilih untuk menempatkan anak-anak mereka di sekolah aliran tahfiz sama ada

sekolah kerajaan mahupun persendirian. Permohonan masuk ke sekolah tahfiz semakin bertambah dari semasa ke semasa. Justeru sekolah yang dikendalikan oleh pihak persendirian merupakan salah satu alternatif kepada ibu bapa dan penjaga yang ingin merealisasikan keinginan mereka bagi memastikan anak mereka berjaya dibentuk menjadi seorang penghafal al Quran. Di negeri Selangor pendidikan Islam dan tahfiz sangat giat ditawarkan sama ada oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS) mahupun persatuan tahfiz dan orang perseorangan. Penulisan ini membincangkan tentang sorotan tinjauan di sebuah pusat tahfiz kelolaan sebuah pihak pengurusan syarikat yang berhasrat menjadikan penubuhan institut tahfiz tersebut sebagai satu projek khidmat ummah syarikat. Asas pengambilan pentadbir dan guru di institut ini adalah dari kalangan mereka yang berlatar belakang pengajian tahfiz di samping temuduga khas yang diadakan untuk pengambilan staf.

### **DEFINISI HUFFAZ**

Huffaz adalah perkataan bahasa Arab dari kata asal [ha.fiz] | حافظ . Definisi : Ar orang yg memelihara dan mengekalkan al-Quran dalam ingatannya: Abu Hasan Din al-H~; ~ Quran orang yang hafaz Quran. (Kamus Dewan Edisi Keempat, <http://prpm.dbp.gov.my>). Perkataan huffaz adalah kata jamak bagi perkataan hafiz yang membawa maksud sekumpulan orang yang hafaz al-Quran.

### **DEFINISI PUSAT TAHFIZ PERSENDIRIAN**

Pusat tahfiz persendirian adalah tempat bagi menggilap kemahiran menghafaz al Quran yang dikendalikan oleh pihak persendirian. Di negeri Selangor kesemua pusat tahfiz persendirian perlu berdaftar dan mendapatkan kelulusan dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Walaupun demikian masih terdapat pusat tahfiz persendirian yang gagal mendaftarkan pusat kendalian mereka atas kekangan yang pelbagai termasuklah lokasi dan prasarana yang tidak mengikut spesifikasi yang diperlukan.

*Jadual 1: Taburan Pusat Tahfiz Berdaftar Di Negeri Selangor Setakat 2017*

Bil	Pentadbir	Jumlah
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM)	66
2.	Pertubuhan Kebajikan Pelajar-pelajar Tahfiz Malaysia(TAHFIZ)	6

3. Persatuan Institut Tahfiz Al Quran 80  
Selangor(PITAS)

(sumber Jabatan Agama Islam Selangor, JAIS).

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pemerhatian dan temubual untuk mengumpul data. Kajian ini telah dijalankan di sebuah institut tahfiz persendirian dan peserta kajian terdiri daripada dua orang guru yang terdiri daripada seorang mudir merangkap guru serta seorang guru lain yang turut bertindak sebagai warden di institut tahfiz tersebut. Maklumat dan pengalaman murid secara rawak juga telah diambil bagi melihat secara keseluruhan perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran di sini. Tinjauan ini diharap akan dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran institut tahfiz ini menilai semula persediaan dari sudut tenaga profesional bagi memperkasakan lagi persediaan pengajaran dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli serta memastikan tenaga pengajar yang diambil berkemahiran dan mampu mendepani cabaran pengajaran dan pembelajaran abad ke 21(PAK21).

### **PEMBELAJARAN ABAD KE 21**

Kaedah Pembelajaran pada Abad ke 21 ini agak berbeza dengan pendekatan yang telah sekian lama digunakan dalam pembelajaran abad ke 20. Keadaan ini menuntut kepada guru yang berkemahiran lagi terlatih ke arah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Islam Kebangsaan. Peredaran masa dan suasana sekeliling menyebabkan wujud jurang generasi dalam antara guru dan murid. Oleh yang demikian guru memerlukan latihan berkala bagi mencapai matlamat pendidikan Islam untuk meningkatkan seluruh potensi insan dalam diri pelajar. Jika guru tidak didedahkan kemahiran dan latihan yang bersesuaian dibimbangi institusi pendidikan tidak dapat menghasilkan modal insan yang bersepadu bagi ilmu *naqli* dan *aqli*.

*Jadual 2: Perbezaan Pembelajaran Abad ke-20 dan abad ke 21*

Pembelajaran Abad ke 20	Pembelajaran Abad ke 21
Dipimpin guru	Berasaskan murid
Arahan langsung( bersemuka)	Pembelajaran kolaboratif
Pengetahuan	Kemahiran

Kandungan	Proses
Kemahiran asas	Pemikiran Aras Tinggi
Teori	Praktikal
Kurikulum	Kemahiran hidup
Individu	Berkumpulan
Bilik darjah	Komuniti
Pentaksiran Sumatif	Pentaksiran formatif
Belajar untuk sekolah	Belajar untuk kehidupan

Bertepatan dengan tuntutan ini guru memerlukan latihan khusus bagi memastikan matlamat pendidikan Islam tercapai.

## **SISTEM PENDIDIKAN DI INSTITUT TAHFIZ**

Di institut tahfiz ini murid hanya diasuh untuk menghafal al-Quran. Kurikulum yang diajar juga sangat terkebelakang kerana kurang pendedahan dengan sistem pendidikan tahfiz arus perdana. Kegiatan tambahan bagi meningkatkan potensi insan seperti bersukan, memamah, berpersatuan tidak dijalankan sama sekali. Selain itu subjek yang diajar juga tidak menyeluruh seperti yang didokong oleh matlamat pendidikan bagi melahirkan insan kamil yang bersepadu.

## **DAPATAN KAJIAN**

Perkara- perkara yang tersebut adalah dijangka berlaku kerana institut tahfiz tersebut bukan setakat tidak mendapatkan kelulusan dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor bahkan mempunyai beberapa kekangan seperti yang berikut:

## **LATAR BELAKANG GURU**

Latar belakang guru di institut ini adalah pendidikan agama dan tahfiz di peringkat ijazah sarjana muda. Walau bagaimanapun tiada guru yang mempunyai sijil ikhtisas dalam bidang pengajaran dan pendidikan. Sehingga Februari 2016 seramai 3 orang guru mengajar di sekolah ini . Pada Mac 2016 salah seorang guru telah berhenti kerana ditawarkan mengajar di sekolah di bawah kelolaan agensi kerajaan.

## **PENGURUSAN DAN OPERASI SEKOLAH**

Sejak pembukaannya pada 2014 pengurusan dan operasi sekolah dikendalikan sepenuhnya oleh mudir. Melalui temubual dengan pihak pengetua dan pelajar, pengkaji mendapati selain daripada diberi tanggungjawab mengurus sekolah, pihak mudir jugak mempunyai jadual p&p yang agak berat. Kekangan dijangkakan berlaku sekiranya terdapat urusan pentadbiran yang memerlukan keberadaan mudir, maka proses P&P akan terhenti atau tertangguh. Mengurangkan bebanan tugas terhadap mudir: Jadual P&P mudir dikurangkan kepada 1 atau 2 waktu sahaja seminggu bagi memberi laluan beliau mengurus dan mentadbir dengan lebih berkesan. Oleh itu penyelidik memberi saranan yang berikut kepada pihak pengurusan.

1. Menambah bilangan guru sedia ada bagi memastikan proses P&P berjalan lebih lancar.
2. Membuat kerjasama dengan JAIS bagi mendapatkan kelulusan.
3. Melantik staf khas bagi menjadi warden pelajar bagi mengurangkan kekangan masa dan tenaga guru sedia ada.
4. Menyediakan latihan dalam perkhidmatan bagi tenaga pengajar bagi memberi input dan menambah baik kemahiran dan pengetahuan mereka dari sudut P&P terutama untuk bidang hafazan.
5. Mengadakan sesi lawatan ke sebuah atau lebih pusat pengajian tahfiz persendirian untuk berkongsi pengalaman mereka dalam mengendalikan pusat pengajian tahfiz.

## **KURIKULUM SEKOLAH**

Kurikulum yang disediakan di institut tahfiz ini hanya tertumpu kepada kurikulum tahfiz secara sepenuhnya. Pelajar yang mengikuti pengajian di sekolah ini terdiri daripada pelajar yang berumur 11 tahun ke 17 tahun. Mereka ditempatkan dalam satu kelas yang sama. Kurikulum kebangsaan seperti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tidak digunakan. Selain dari pembelajaran tahfiz, subjek lain yang diajar adalah seperti fekah,tajwid, tauhid dan bahasa Arab sahaja.

Berdasarkan pemerhatian dan kajian penyelidik, perkara- perkara berikut telah dikenalpasti:

1. *Hafalan tidak mencapai target yang ditetapkan.*  
Pelajar tidak dapat mencapai target hafalan yang telah ditetapkan. Ini kerana kebolehan menghafal pelajar adalah berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Target contoh dua muka sehari.
2. *Lupa hafalan lama*

Rata-rata pelajar mengalami masalah lupa hafalan lama apabila telah mula menghafal ayat-ayat yang baru.

3. *Pengambilan pelajar baru tidak mengikut kelayakan minimum yang ditetapkan pihak tahfiz luar.*

Pengambilan pelajar tidak melalui saringan yang tepat maka ini menyukarkan pihak sekolah mengenalpasti kebolehan asas menghafal pelajar dan menyebabkan target hafalan sukar dicapai.

4. *Subjek adab dan akhlak tidak diajar*

Pelajar tidak didedahkan dengan silibus asas untuk para pelajar tahfiz iaitu adab dan akhlak. Perkara-perkara tersebut amat penting bagi membantu pelajar dalam menjaga dan meningkatkan hafalan mereka.



*Lampiran 1: Suasana Pembelajaran*

## **AKTIVITI KO-KURIKULUM**

Tiada sebarang aktiviti ko- kurikulum yang sistematik dijalankan. Pelajar hanya menghabiskan masa di bilik asrama pada waktu petang.

Atas cadangan dari pihak penyelidik selepas beberapa minggu pihak pentadbiran telah membawa murid lawatan sambil belajar bagi mempelbagaikan aktiviti para murid.

## **LATIHAN GURU**

Melalui perbincangan dengan pihak pengurusan, tenaga pengajar telah diberi peluang untuk mengikuti mana-mana kursus atau latihan yang dapat membantu mereka untuk mempertingkatkan ilmu dan kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi, disebabkan kekurangan tenaga pengajar dan komitmen terhadap pelajar, didapati tenaga pengajar tidak pernah mengikuti apa-apa latihan guru yang dapat

membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka hanya mengajar mengikut kemahiran dan pengalaman sendiri dan mereka tidak terdedah dengan mana-mana pihak yang dapat membantu mereka untuk mempertingkatkan apa-apa kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **PENDIDIKAN GURU TAHFIZ**

Kenyataan akhbar oleh ahli Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) Prof Datuk Dr. Abd Halim Tamuri adalah dipetik menyatakan disebabkan pihak ibu bapa sibuk mencari rezeki ekoran peningkatan kos hidup ini menyebabkan guru masa kini mengambil alih sepenuhnya peranan mendidik anak-anak sama ada ilmu dunia atau akhirat, (Utusan Malaysia, 16.02.2018). Atas sebab itu keadaan ini memerlukan penubuhan sebuah institusi latihan khas bagi melahirkan guru tahfiz berkualiti. Antara isu besar bagi pendidikan guru tahfiz termasuklah ketiadaan pusat latihan guru untuk melatih guru-guru tahfiz. Selain itu negara juga ketiadaan pakar rujuk untuk pedagogi tahfiz. Selain itu kita dapati kurikulum yang pelbagai menyebabkan ketiadaan keselarasan dan keseragaman di antara satu pusat tahfiz dengan satu pusat tahfiz yang lain. Guru perlu didedahkan dengan kaedah pedagogi pegajaran abad ke 21 supaya institusi dan sekolah aliran tahfiz tidak jauh ketinggalan daripada sistem pendidikan arus perdana.

## **KESIMPULAN**

Isu pendidikan guru tahfiz bukan sekadar isu sampingan bahkan ia perlu diketengahkan supaya pihak berwajib dapat memberi penekanan dalam mengambil tanggungjawab bagi memastikan instusi tahfiz tidak digambarkan sebagai sebuah institusi kelas kedua. Selain pihak Jabatan Agama Islam (JAIS), pihak lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia sewajarnya bekerjasama dengan badan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan berasaskan kumpulan huffaz supaya dapat mengambil inisiatif tegas dalam membawa institusi tahfiz dipandang tinggi lagi dihormati.

## **RUJUKAN**

- Temubual peserta-peserta kajian di institut tahfiz bertarikh 7.3.2016  
Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam JAIS 2014.  
Siti Rashidah et all, 2017, Kolaborasi Dalam Proses Pengintegrasian Ilmu Naqli dan Aqli Melalui Pendekatan “ Lesson Study” Buku Prosiding Jilid 1 Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Pusat Pengajian Teras, KUIS: Selangor.  
Kamus Dewan Edisi Keempat, <http://prpm.dbp.gov.my> tarikh capaian 30.3.2018  
Utusan Malaysia 16.2.2018